



**SYED SALEH** (kanan) menyantuni kumpulan kedua petugas haji termasuk Pengarah Berita Kosmo!, Turmadzi Madun (tiga dari kiri) sebelum berlepas ke Tanah Suci di Pusat Konvensyen Movenpick, Sepang semalam.

Perlu bayar kos penuh RM30,850 jika rayuan diterima

# 'Mahram, pembantu jemaah dikecualikan'

KOSMO 15/5/2023 M/S: 6

Oleh **AMREE AHMAD**

**SEPANG** – Bayaran kos penuh RM30,850 dikecualikan kepada kes rayuan sebagai mahram kepada jemaah atau menjadi pembantu kepada jemaah berusia lanjut terpilih untuk mengerjakan haji kali ini.

Pengarah Eksekutif Haji, Lembaga Tabung Haji (TH), Datuk Seri Syed Saleh Abdul Rahman berkata, bakal jemaah berpendapatan B40 yang rayuan diterima meskipun di luar tahun giliran, mereka masih kena lagi membayar kos penuh untuk pakej haji secara muassasah.

"Jika di luar gilirannya, tidak

kira B40, M40 atau T20, dia perlu bayar penuh jika rayuan diterima tahun ini.

"Bayaran itu bagaimanapun dikecualikan kepada kes rayuan sebagai mahram kepada jemaah atau menjadi pembantu kepada jemaah berusia lanjut terpilih untuk mengerjakan haji kali ini," kata beliau pada sidang akhbar Pusat Konvensyen Movenpick, di sini semalam.

Terdahulu, beliau yang juga merupakan Ketua Rombongan Haji Malaysia menyantuni kumpulan kedua seramai 160 petugas haji yang berlepas ke tanah suci meliputi kebajikan, perubatan, beberapa agensi luar dan media

tempatan.

Mereka merupakan sebahagian daripada 670 petugas yang akan digerakkan ke Arab Saudi bagi operasi haji musim ini dengan kumpulan pertama berlepas pada Jumaat lalu.

Isu bayaran haji musim ini menjadi topik panas umat Islam susulan kenaikan kos tahun ini terutamanya mereka yang berjaya membuat rayuan bagi menaikkan ibadah berkenaan.

Ia ekoran kenyataan bekas Pengarah Urusan Kumpulan TH, Datuk Seri Amrin Awaluddin pada 21 Mac lalu yang menyatakan rayuan di luar giliran dikenakan kos penuh RM30,850.